

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans 'Perfect Rider Plus'

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans 'Perfect Rider Plus'. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi Pihak Diinsuranskan, pemandu dan/atau penumpang sekiranya berlaku kecederaan anggota badan disebabkan kemalangan yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun daripada kereta yang dinamakan dalam polisi.

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan (Pemegang Polisi) selama 24 jam seluruh dunia tanpa mengira sama ada Pihak Diinsuranskan di dalam kereta yang dinamakan dalam polisi terhadap kematian atau hilang upaya kekal disebabkan oleh punca-punca kemalangan. Jika Kereta Dinamakan didaftarkan di bawah Persatuan/Koperasi/Syarikat, pemilik Kereta Dinamakan sebagai pemegang polisi boleh menamakan seorang individu untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan/faedah ini.

Perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda di Malaysia sahaja. Had tunda dilindungi adalah sehingga 600km pergi balik / tanpa had berdasarkan pelan pilihan. Caj tol semasa perkhidmatan tunda adalah tanpa had.

Di samping itu, produk ini juga menawarkan Faedah Bantuan Antarabangsa. Jika kerosakan Kereta Dinamakan berlaku di Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam atau Thailand (dalam lingkungan jarak 60 kilometer dari sempadan Malaysia), Pihak Diinsuranskan / pemandu berhak mendapatkan perkhidmatan tunda kerosakan kereta secara percuma ke bengkel terdekat yang ditetapkan oleh Syarikat atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Syarikat di Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam atau Thailand. Pihak Diinsuranskan / pemandu Kereta Dinamakan mesti menghubungi 03-2268 5655 (caj dikenakan) untuk bantuan. Perbelanjaan untuk penghantaran balik Kereta Dinamakan ke sempadan Malaysia hendaklah ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan / pemandu. Kelayakan – Pemilik kereta persendirian berusia 17 tahun dan ke atas.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Sila rujuk kepada Jadual Faedah dalam risalah produk.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada pelan yang dipilih. Terdapat 4 pelan dengan premium sebanyak RM88.00 (Pelan 88), RM137.80 (Pelan A), RM243.80 (Pelan B) dan RM349.80 (Pelan C), melindungi seorang pemandu dan sehingga 4 penumpang. Premium tambahan adalah terpakai bagi setiap penumpang tambahan. Untuk perlindungan asas Pelan A, jumlah premium yang perlu dibayar adalah seperti di bawah.

Premium RM 137.80

Duti Setem RM 10.00

Jumlah premium perlu dibayar RM 147.80

Nota: Premium yang dinyatakan adalah termasuk 6% Cukai Perkhidmatan.

AmGeneral Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Ahli Kumpulan AmBank

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)



1 800 88 3833



customer@kurnia.com



www.kurnia.com

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan pengantara	10% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Pematuhan kepada Perlindungan Insurans Motor – Polisi ini akan secara automatik menjadi tidak sah atau terbatal sekiranya kereta dinamakan dalam polisi tidak lagi diinsuranskan di bawah polisi motor kereta persendirian.
- (iii) Tiada had umur bagi penumpang.
- (iv) Had wilayah yang dilindungi adalah Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam kecuali dinyatakan dengan jelas di bawah faedah tersebut.
- (v) Peruntukan Khas
Sekiranya bilangan penumpang sebenar melebihi bilangan yang dinyatakan dalam jadual polisi, had liabiliti Syarikat untuk setiap orang di dalam semua faedah, kecuali Faedah 6, 7, 9 sehingga 14, 16 dan 17 sebagaimana disenaraikan dalam Jadual Faedah di dalam risalah/polisi, akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan sebenar penumpang terhadap bilangan penumpang yang diisytiharkan. Had tidak terpakai kepada pemandu.
- (vi) Dua atau Lebih Polisi – Jika berlaku kejadian di bawah Faedah 3, 6, 7 dan Faedah 10 hingga 14, sekiranya terdapat mana-mana insurans lain yang melindungi risiko/faedah yang sama, sama ada dengan AmGeneral atau syarikat insurans lain, AmGeneral tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada perkadaran yang setimpal dengannya.
- (vii) Pihak Diinsuranskan yang berumur 17 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa / penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.
- (viii) Bantuan Antarabangsa – Faedah ini tidak melindungi:
 - Kereta Dinamakan berada di mana-mana kawasan terpencil atau permukaan jalan tidak berturap atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya, contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah dan atas bumbung.
 - Bantuan kerosakan atau tunda akibat kejadian bencana alam atau malapetaka semula jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin.
 - Kereta Dinamakan ditunda akibat kemalangan kenderaan bermotor.
 - Kemudahan tunda khas dan/atau peralatan khas diperlukan semasa menyediakan perkhidmatan tunda bagi Kereta Dinamakan, yang berasaskan penilaian Syarikat atau penyedia perkhidmatan yang dilantik, dianggap berisiko tinggi dan/atau tidak wajar, contohnya apabila kereta atau tayar kereta jatuh ke dalam longkang atau sungai.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah manfaat ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Keadaan pra-wujud;
- Melahirkan anak atau keguguran;
- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik;
- Ketika kereta dinamakan digunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang atau sebagai pengangkut tidak berlesen;
- Bunuh diri dan sebarang bentuk percubaan bunuh diri;

- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuatkuasakan sekiranya Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC);
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti kepada/oleh kereta dinamakan dalam polisi semasa perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda;
- Semasa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan terlibat dalam pergaduhan atau mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tunjuk perasaan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis dalam 14 hari kepada AmGeneral. Selepas pembatalan, pihak Syarikat akan membayar balik premium tolak premium dikira pada kadar jangka pendek pihak Syarikat bagi tempoh polisi ini telah berkuat kuasa dalam tempoh insurans semasa, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat ke atas polisi semasa.

8. Apa yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat hubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur,
Malaysia.

Talian Bebas Tol : 1 800 88 3833
E-mel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

AmDrive Plus

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 23/02/2021 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.